

13 MAR 2004

Pilihan raya - pencalonan (KEDAH)

PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU DI HAMPIR SEMUA KERUSI DI KEDAH

ALOR STAR, 13 Mac (Bernama) -- Semua kecuali dua daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah menyaksikan perlawanan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) dengan calon pembangkang dari Pas dan Keadilan pada pilihan raya umum ke-11, 21 Mac ini.

Cabaran pembangkang memperlihatkan pakatan utuh di kawasan parlimen apabila kesemua 15 kerusi yang dipertandingkan di negeri ini merupakan pertandingan satu lawan satu antara calon BN dengan calon pembangkang dari Pas dan Keadilan.

Dua kerusi DUN berlaku pertandingan tiga penjuru ialah kerusi Bukit Selambau dan Gurun. Di Bukit Selambau, pengerusi MIC negeri dan anggota Exco Negeri Datuk V. Saravanan yang menyandang kerusi itu dicabar oleh Mustafa Khalid Hanafi dari Keadilan dan G. Ghanaguru dari DAP.

Manakala di Gurun, pengerusi MCA negeri dan anggota Exco Negeri Datuk Beh Heng Seong yang mempertahankan kerusi itu dicabar Tan Choy dari DAP dan B.Kalai Vanan dari Keadilan.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengetuai barisan calon BN dengan mempertahankan kerusi Kubang Rotan buat kali ketiga dengan dicabar oleh naib presiden Keadilan Saifuddin Nasution Ismail yang beralih dari kerusi Lunas yang dimenangi dalam pilihan raya kecil 2000.

Cabaran utama datang dari Pas yang meletakkan calon di 27 kerusi negeri dan 10 parlimen manakala Keadilan di sembilan kerusi negeri dan lima parlimen. Pada pilihan raya lepas, Pas bertanding di 32 kerusi DUN dan menang 12 disamping lapan daripada 10 kerusi parlimen yang ditandinginya.

Ini merupakan kali pertama Keadilan bertanding dalam pilihan raya umum di negeri ini bagi kerusi DUN. Bagaimanapun Keadilan menafikan majoriti dua pertiga BN di Dewan Undangan Negeri apabila kerusi Lunas jatuh kepadanya pada pilihan raya kecil 2000.

Pertandingan sengit bakal berlaku di kawasan parlimen Baling di mana dua tokoh agama - calon muka baru BN Datuk Dr Mashitah Ibrahim, 39, diperturunkan untuk merebut kembali kerusi itu dari penyandanginya Taib Azamudden Md Taib, 54, bekas imam besar Masjid Negara.

Kerusi tersebut dimenangi oleh Azamudden, dalam pilihan raya 1999 dengan majoriti 1,414 undi dan merupakan antara kawasa parlimen di mana pengaruh Pas dikatakan masih kuat. Parti itu memenangi lapan kerusi parlimen di Kedah pada 1999.

Pertarungan sengit juga dijangka berlaku di kawasan parlimen Sik di mana Pesuruhjaya Pas Kedah Azizan Abdul Razak akan mempertahankan kerusi yang dimenangi oleh Datuk Shahnun Ahmad pada pilihan raya lepas.

Bekas ketua penerangan Pas pusat berusia 60 tahun itu akan ditentang oleh bekas anggota exco kerajaan negeri Datuk Dr Wan Azmi Ariffin yang juga ketua penerangan umno bahagian Sik.

Taib Azamudden dan Azizan masing-masing juga bertanding di kerusi DUN. Bekas imam itu bertanding di Bayu manakala Azizan mempertahankan kerusi Sungai Limau (dahulu Sala).

Selain Azizan, Pas mempertaruhkan Timbalan Ketua Pemuda Idris Ahmad di parlimen Jerlun. Bekas pensyarah Universiti Teknologi Mara itu ditentang Setiausaha Umno Negeri Datuk Abdul Rahman Ariffin.

Idris yang berasal dari Perak pertama kali bertanding di negeri ini dan antara muka baru yang diketengahkan oleh Pas.

Dua ayam tambatan Pas, Mohamad Sabu dan Mahfuz Omar masing-masing mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kedah dan Pokok Sena.

Mereka ditentang calon BN iaitu Ketua Penerangan Umno Kuala Kedah Hashim Jahaya dan Ketua Penaja Umno bahagian Pokok Sena Datuk Ahmad Lebai Sudin.

Dalam usaha menawan kembali kerusi DUN Kuala Nerang dari Pas, BN meletakkan bekas Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifudin Omar. Bekas anggota parlimen Padang Terap itu yang mempunyai kekuatan akar umbi mencabar penyandang Munir Zakaria.

Muka baru, Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Mahdzir Khalid diletakkan di DUN Pedu untuk mencabar Wan Jaafar Ahmad, dari Pas.

Dua calon BN itu dilihat dapat menggugat kubu kuat Pas di

kawasan  
parlimen Padang Terap bagi membantu calon BN Datuk Ghazali Ibrahim  
merebut  
kembali kerusi itu yang pernah disandang oleh Affifudin sebelum  
pilihan  
raya 1999.

Di kerusi Merbok kubu kuat BN yang dikosongkan bekas Menteri  
Kewangan  
Tun Daim Zainuddin, BN menonjolkan bekas Timbalan Menteri Penerangan  
Datuk  
Zainuddin Maidin untuk mempertahankan kerusi itu.

Penasihat Media kepada Kementerian Penerangan itu dicabar oleh  
Saiful

Izham Ramli, peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Keadilan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul  
Kadir

Sheikh Fadzir dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee  
Heung

mempertahankan kerusi masing-masing di Kulim-Bandar Baharu dan Alor  
Star.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd  
Khir dan

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib pula  
akan

mempertahankan kerusi Sungai Petani dan Langkawi.

Kerusi Kubang Pasu yang diwakili bekas Perdana Menteri Tun Dr  
Mahathir

Mohamad sejak 1974 dipertahankan oleh Setiausaha Politik Perdana  
Menteri

Datuk Johari Baharum.

Setiausaha Agung Pas Nasharuddin Mat Isa tidak mempertahankan  
kerusi

Parlimen Yan (kini Jerai) tetapi beralih ke Parlimen Besut,  
Terengganu.

Ketua Penaja Umno bahagian itu Datuk Badruddin Amiruldin yang  
bertanding di

kawasan itu berdepan dengan muka baru dari Pas Che Din Arshad.

Badruddin tewas kepada Nasharuddin pada 1999 dengan majoriti  
tipis 182

undi.

--BERNAMA

ZS MAN RS